

MAHATHIR-INDUSTRI R'Q'Q'
(IE)

KUALA LUMPUR, 5 M A C ¹⁹⁸⁴ (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI USAHA GIGIH MEGARA UNTUK MEMBANGUNKAN INDUSTRI ADALAH PERLU UNTUK MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN BAGI TENAGA KERJA YANG SEMAKIN BERTAMBAH.

BELIAU BERKATA SATU-SATUNYA CARA UNTUK MALAYSIA BERKEMBANG MAJUDAN MENAWARKAN PEKERJAAN YANG CUKUP KEPADA RAKYAT ADALAH MELALUI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN MEMANDANGKAN PERTANJAN DAN PERLOMBONGAN HANYA MAMPU MENYEDIAKAN SEDIKIT PELUANG PEKERJAAN KERANA TANAH DAN SUMBER-SUMBER TERHAD.

MENYEDARI HAKIKAT INI, KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA MENARIK PELABURAN ASING, DENGAN MENAWARKAN BERBAGAI-BAGAI INSENTIF D A N DORONGAN, UNTUK MEMPERLUASKAN SEKTOR PERINDUSTRIAN NEGARA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN TAHUNAN BERSAMA Y A N G KETUJUH PERSATUAN EKONOMI MALAYSIA-JEPUN (MAJEGA) DAN PERSATUAN EKONOMI JEPUN-MALAYSIA (JAMEGA) DI S I N S . -- LAGI 1626/LK

MAHATHIR-INDUSTRI 2 KUALA LUMPUR

BELIAUBERKATA TENAGA KERJA MALAYSIA AKAN MENINGKATKEPADA 6.3 JUTA TAHUN DEPAN. DARI JWMLAH INI, 2.6 JUTA ATAU 41.1 PERATUS ADALAH DALAM LINGKUNGAN UMUR 25-39 TAHUN.

JWMLAH PENDUDUK NEGARA INI YANG BERADA DALAH LINGKUNGANUMUR BOLEH BEKERJADIJANGKA BERTAMBAH DARIPADA 8.1 JUTA DALAM TAHUN 1980 KEPADA 9.3 JUTA TAHUN DEPAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATADAYAPENGGERAK DASAR +PANDANGKETIMUR+ MALAYSIA AOALAH JELAS KERANA DE TIMURLAH NEGARA INI OAPAT MENGENALPASTIBEBERAPAMODAL YANG RELEVAN KEPADA USAHA PEMBANGUNAN PERINDUSTRIANNYA.

"DASAR INI ADALAH SALAHSATUCARABAGI TENAGA KERJA KITA MENGENALI DAN MENERIMANILAI-NILAI BARU YANG SESUAL DENGAN PROGRAM JANGKA PANJANG PERINDUSTRIANKITA," KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MENGUMUMKAN KERAJAAN BERCADANG UNTUK MEMPERKENALKAN DUA LAGI BENTUK LATIHAN, IAITU YANG MELIBATKAN +HUBUNGAN INSTITUSIONAL+ ANTARA UNIVERSITI DAN PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI, DAN DI KALANGAN PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT DALAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, INSTITUSI LATIHAN DAN PENTADBIRAN SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA PROGRAM LATIHAN BELIA YANG SEDIA ADA. -- LAGI 1631/LK

ZCZC B625

MAHATHIR-INDUSTRI 3 KUALA LUMPUR

TIGA JENIS LATIHAN YANG SEDLA ADA IALAH LATIHAN DALAMAN KILANG, PELAJARAN AKADEMIK/TEKNIKAL #AN LATIHAN PEMBANGUNAN EKSEKUTIF.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN WSAHA-WSAHA INI TIDAK DAPAT MEMENUHI SEPENUHNYA KEPERLWAN NEGARA, IA AKAN DIPERTINGKATKAN SETELAH MAKLUMAT DIKUMPUL TENTANG KEBERKESANAN SETIAP PROGRAM BERKENAAN.

MENGENAI INDUSTRI KECIL, BELIAUBERKATA MALAYSIA MENGALU-ALWKAN BANTUAN ASING UNTUK MEMODENKAN INDUSTRI JENIS INI DI NEGARA INI.

KATANYA INDUSTRI KECIL HARUS OAPAT BERKEMBANG PESAT MEMANDANGKAN LEBIH RAMAI RAKYAT SEDANG DILATIH DALAM BERBAGAI-BAGAI BIDANG PENGKHUSUSAN.

SEMENTARA ITU, STRUKTUR EKONOMI TEMPATAN JUGA SEDANG PESAT BERUBAH, DENGAN SUMBANGAN SEKTOR PEKILANGAN KEPADA KELUARAN K A S A R DALAM NEGERI KIAN BERTAMBAH. -- LAGI 1642/LK

MAHATHIR-INDUSTRI 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA INGIN MELIHAT INDUSTRI BESAR, SEDERHANA DAN KECIL KEMBANGUN BEGITU RUPA AGAR SALING MEMBANTU MENGUKUHKAN KEDUDUKAN MASING-MASING.

DENGAN CARA INI SETIAP SEKTOR EKONOMI AKAN DAPAT MAJU DAN DAYA PENGELUARAN NEGARA DITINGKATKAN, KATA BELIAU.

-- BERNAMA 1644/LK